



Etiqa sumbang RM 70 Ribu bantu pelajar miskin

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima sebanyak RM 70 ribu sumbangan zakat daripada pihak Etiqa Takaful Berhad bagi membantu pelajar yang mempunyai bebanan kewangan dalam menyambung pengajian mereka di universiti ini.

Majlis penyerahan cek sumbangan disempurnakan Ketua Pegawai Eksekutif Etiqa Takaful Sdn. Bhd, Shahril Azuar Jimin kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz di Dewan Bankuet, Kompleks Pentadbiran Utama, UMP Gambang pada 25 Mac 2011 yang lalu.

Hadir sama Ketua Jabatan Agensi Takaful Am, Mohamad Yunos Sood, Ketua Unit Syariah, Ustaz Ahmad Zaiem Ismail, Pengurus Cawangan Kuantan, Ahmad Jafri Din dan Pengurus Pembangunan Perniagaan, Baharudin Abdul Wahab dan Pengurusan Tertinggi UMP.

Profesor Dr. Badhrulhisham yang mewakili

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, sumbangan yang diterima ini diharapkan dapat membantu meringankan beban kewangan lebih ramai pelajar seterusnya dapat membantu mengubah nasib mereka.

"Sumbangan ini akan diagihkan kepada pelajar yang terdiri daripada keluarga yang mempunyai latar belakang tidak mempunyai pendapatan tetap, anak yatim piatu, pelajar yang mempunyai ibu bapa yang kurang upaya dan mempunyai adik beradik yang ramai.

"UMP telah menubuhkan Tabung Zakat sejak tiga tahun lalu dengan dana permulaan sebanyak RM 30 ribu. Tabung ini berperanan dalam mengumpulkan dana untuk diagihkan kepada pelajar yang memerlukan.

"Sehingga kini, seramai 273 pelajar telah menerima wang bantuan daripada dana ini dengan nilai agihan di antara RM 200 hingga RM500 mengikut kriteria yang ditetapkan universiti," ujarnya.

Tambah beliau lagi, sumbangan daripada pihak Etiqa Takaful Berhad ini dijangka dapat membantu lebih ramai pelajar yang ditimpa kesusahan dan sumbangan ini merupakan jumlah terbesar yang diterima UMP setakat hari ini.

Sementara itu, Shahril Azuar berkata, Program Tanggungjawab Zakat Korporat (CZR) adalah program yang dilaksanakan bersama dengan penempatan anak-anak yatim, miskin serta institusi kebajikan di seluruh negara.

"Ianya merupakan cetusan aspirasi dan wawasan pihak pengurusan Etiqa Takaful untuk mewujudkan satu komuniti yang benar-benar bertanggungjawab dan berdedikasi terhadap masyarakat.

"Kami berharap dapat membantu golongan yang memerlukan bantuan dalam bentuk material, kewangan serta sokongan moral dalam menjalani kehidupan seharian bagi merapatkan hubungan sesama masyarakat setempat," katanya.